



**SEMBAH ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT  
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA  
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH  
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,  
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS PERARAKAN MAULUD  
NABI MUHAMMAD SHALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM  
PERINGKAT NEGARA BAGI TAHUN 1440 HIJRAH**

**PADA HARI SELASA, 12 RABIULAWAL 1440H  
BERSAMAAN 20 NOVEMBER 2018.**

**BERTEMPAT  
DI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIN,  
BANDAR SERI BEGAWAN,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْرَ الدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ  
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلِيهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Menghadap Kehadapan Majlis,  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Paduka Seri Baginda Sultan  
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan  
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan ta'zim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik beserta seluruh Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara bagi Tahun 1440 Hijrah ini, menjunjung ampun menyembahkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Hamba ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallm Peringkat Negara.

Alhamdulillah, setiap 12 Rabi'ulawal negara kita mengadakan majlis memperingati maulid Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam. Ini adalah sebagai tanda kita menzahirkan kasih sayang serta sanjungan kita terhadap Baginda Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang juga mempunyai hikmah-hikmah tertentu.

Antara hikmahnya itu ialah mensyiarkan Islam dan sekaligus mengembangkan kefahaman terhadap ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang mana ajaran Islam yang meliputi syariah, aqidah dan akhlak itu mempengaruhi cara hidup kita di Brunei Darussalam ini sehingga mencorakkan kerajaan dan negara.

Pada amnya, perhimpunan yang meriah ini juga membangkitkan rasa dan semangat perpaduan dikalangan semua lapisan orang ramai dengan semua lapisan kepimpinan kerajaan.

Sesungguhnya kerasulan Baginda yang disebut sebagai rahmatan lil ‘alamin adalah terpancar dari susuk diri Baginda untuk dijadikan ikutan khasnya dalam kehidupan berkeluarga. Kerana itu kita menjadikannya tema sambutan tahun ini “Tarbiyah Rasulullah Membawa Rahmat dalam Berkeluarga”.

Tema ini amat sesuai dipilih kerana kerasulan Baginda dengan peranan yang cukup besar. Baginda merupakan pendidik ulung dan unggul yang dididik oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala melalui wahyunya. Baginda adalah semulia-mulia makhluk dan sebaik-baik contoh teladan dalam semua aspek kehidupan kita.

Sewajarnya seluruh umat Islam berpaksi terus dengan Tarbiyah Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam supaya kita menjadi umat yang mempunyai keperibadian tinggi bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

Disembahkan juga majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam tahun ini sebagaimana lazimnya Perarakan mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan, 126 pasukan dengan keramaian 13,058 orang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan termasuk pasukan tidak bernombor terdiri daripada pasukan-pasukan beruniform. Manakala yang mempertandingkan dalam empat kategori iaitu Kategori Sekolah Menengah / Arab / Institusi Pengajian Tinggi / Maktab dan Swasta, Kategori Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Kategori Persatuan-persatuan dan Sektor Swasta serta Kategori Kampung dan Masjid.

Sementara persebahan Dikir Marhaban dibawakan oleh Pasukan Dikir daripada Kementerian Pendidikan.

Ampun beribu-ribu ampun,

Sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis yang berkebajikan ini, demikian juga hamba Kebawah Duli Tuan Patik

menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anaknda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Duli Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah,  
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir  
Sahibul Himmah Wal-Waqar  
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Bendahara  
Seri Maharaja Permaisuara  
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,  
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal  
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia  
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan diplomat-diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Demikian juga dikesempatan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patek bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi majlis amatlah berbesar hati dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan kerjasama yang ikhlas dalam menjayakan majlis ini dan semua pihak yang yang telah berkesudian memberikan berbagai bentuk sumbangan semata-mata bagi menjayakan dan memeriahkan lagi majlis yang penuh rahmat dan berkat pada hari ini.

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan mengurniakan ganjaran pahala di atas segala usaha dan bantuan serta sumbangan mereka yang ikhlas itu. Mudah-mudahan negara kita Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dilindungi serta direhui oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala juga hendaknya. Amin...

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

9hb Rabiulawal 1440/ 17hb November 2018